

06 JAN 2000

Muhyiddin-UMNO

TAK PERLU SETUJUI CALON, KATA MUHYIDDIN

KUALA LUMPUR, 6 Jan (Bernama) -- UMNO Johor tidak seharusnya memberi persetujuan kepada satu atau dua calon sahaja untuk bertanding bagi jawatan naib presiden parti itu, kata bekas Naib Presiden Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Sebaliknya ia hendaklah membiarkan anggota parti membuat keputusan sendiri mengenai pemimpin mereka untuk masa akan datang, kata Muhyiddin, Ketua UMNO bahagian Pagoh.

Beliau berkata anggota perwakilan ke perhimpunan agung UMNO pada Mei depan seharusnya membuka ruang pemilihan mereka dengan seluas-luasnya, terutama dalam tempoh yang penting sekarang.

"Kalau lebih banyak calon mahu bertanding, mengapa tidak... lebih banyak lebih menyeronokkan. Tetapi jika dihadkan kepada hanya seorang calon, ia akan memberi gambaran seolah-olah UMNO Johor tidak bersatu," kata beliau ketika diminta mengulas seruan sesetengah pemimpin negeri itu supaya seorang sahaja calon dari negeri itu bertanding bagi jawatan naib presiden.

Sehingga ini, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar telah membayangkan kesediaannya untuk bertanding bagi jawatan itu manakala Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman dan Muhyiddin dijangka akan berbuat demikian juga.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas merasmikan jualan terus Hari Raya di tapak Pasar Tani Jalan Ipoh di sini, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna itu berkata beliau belum membuat keputusan sama ada akan bertanding atau sebaliknya.

Muhyiddin berkata beliau bersetuju dengan kenyataan Presiden UMNO Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa parti itu tidak menerima parokialisme, dan peruntukan jawatan tidak seharusnya ditentukan berdasarkan negeri.

"Ia tidak seharusnya diasaskan kepada pertimbangan kenegerian sahaja. Ini merupakan proses pemilihan pemimpin bukan sahaja untuk UMNO tetapi juga untuk orang Melayu... mengenai siapa dalam kedudukan yang lebih baik untuk membantu kepimpinan sekarang, untuk menyelesaikan masalah, menghadapi cabaran dan membawa idea baru untuk memperkukuhkan lagi parti," kata beliau.

Muhyiddin, yang mendapat bilangan undi terbanyak bagi jawatan naib presiden pada pemilihan UMNO 1993 tetapi kalah pada pemilihan berikutnya, berkata pertandingan bagi jawatan naib presiden adalah perkara biasa dalam UMNO dan tidak harus ada sekatan bagi mereka yang berhasrat untuk bertanding.

Beliau berkata masa sudah tiba bagi anggota UMNO melepaskan diri daripada batas kenegerian kerana pemilihan itu adalah untuk memilih pemimpin peringkat nasional, bukan untuk negeri.

Ketika ditanya mengenai keputusannya, Muhyiddin berkata beliau masih memberi pertimbangan kepada beberapa faktor.

"Tidak perlu gopoh, masih ada masa. Saya masih mengumpul maklumat balas daripada kalangan rakan-rakan dan pemimpin UMNO," kata beliau.

-- BERNAMA

AR NMO